



جامعة تكنولوجيا مارا
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Pusat
Asasi

Buletin Pusat Asasi

EDISI JANUARI - JUN 2021



THE
WORLD
UNIVERSITY
RANKINGS
2020 TOP 1000



QS
WORLD
UNIVERSITY
RANKINGS
2021

Premier
Digital Tech
University™



THE
IMPACT
RANKINGS
2021
MyRA
MALAYSIA RESEARCH ASSESSMENT

★★★★★
UiTM di hatiku

Menyerlahkan Potensi
Membentuk Masa Hadapan



Salam Tahun Baharu **2021**

Assalamualaikum wbt dan Salam UiTM Dihatiku.

Alhamdulillah. Syukur ke hadrat Allah SWT atas limpah kurnia dan izinNya, kita berjaya mengharungi tahun 2020 dengan penuh dedikasi dan jayanya. Sesungguhnya, tahun 2020 bukanlah suatu tahun yang mudah untuk kita semua. Tambahan pula dalam keadaan negara dilanda pandemik COVID-19 yang sangat mencabar.

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan jutaan terima kasih kepada seluruh warga Pusat Asasi UiTM atas komitmen, keazaman dan kerja keras berpasukan yang ditunjukkan dalam melaksanakan tugas yang diamanahkan sepanjang tahun 2020. Tahun 2020 telah berlalu dan pelbagai pahit getir telah ditempuh sepanjang tempoh itu. Walaupun pelbagai cabaran yang mendatang, saya percaya kita semua telah berusaha untuk menangani setiap cabaran tersebut sebaiknya.

Akhir kata, dengan semangat tahun baharu 2021 ini, marilah kita sama-sama terus meningkatkan keazaman demi kecemerlangan Pusat Asasi UiTM. Semoga tahun ini membawa seribu satu makna kepada kita semua dalam memperbaiki diri kita dalam menjadi insan yang lebih cemerlang dan gemilang, yang mampu membawa kebaikan kepada sekeliling kita. Selamat Tahun Baharu 2021!

**PROFESOR DR. SAIFOLLAH HAJI ABDULLAH
PENGARAH**

SIDANG REDAKSI

Buletin

**KETUA EDITOR/
PENULIS**
Rozi Hanum Shaharudin

JURUGRAFIK
Muhammad Hafiz Mohd Ariff

**EDITOR /
PENULIS**
Nur Syakireen Ishak
Wan Syariza Wan Yadri
Marlizawati Mohamat
Nor Hisyam Husin
Mohd Zaidan Zainal Abidin

Nurul Huda Musa
Nik Mohd Afiq Nik Luqman
Nurul Hannan Mahmud
Fadhlina Che Arshad
Norlida Che Rose

*Edisi JAN
JUN 2021*

AMANAT TAHUN BAHARU PENGARAH

Penulis : Rozi Hanum Shaharudin

Pada 24 Februari 2021, telah berlangsung Amanat Tahun Baharu 2021 Pengarah Pusat Asasi UiTM. Seperti tahun-tahun sebelumnya, amanat yang disampaikan oleh Profesor Dr. Saifollah Haji Abdullah adalah bertujuan untuk memastikan hala tuju kampus selaras dengan aspirasi yang dikongsikan oleh Naib Canselor UiTM pada setiap tahun.

Selain menyingkap kejayaan dan pencapaian kampus sepanjang tahun 2020, antara intipati lain amanat tersebut termasuklah sasaran dan Indeks Prestasi Utama Pusat Asasi UiTM. Amanat yang dijalankan secara atas talian ini telah disertai hampir seluruh warga Pusat Asasi UiTM melalui saluran Youtube Pusat Asasi UiTM.



PUSAT ASASI UITM SEBAGAI PUSAT UJIAN MUET ON DEMAND (MOD)

Penulis : Wan Syariza Wan Yadri



Buat julung kalinya, Pusat Asasi UiTM telah menjadi Pusat Ujian MUET On Demand (MOD) bagi sesi Oktober 2020. Malaysian University English Test (MUET) adalah salah satu ujian yang wajib diduduki oleh para pelajar pra universiti untuk mengukur tahap pencapaian dan kemahiran berbahasa Inggeris dan merupakan salah satu syarat wajib untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat ijazah sarjana muda. Oleh itu, para pelajar Pusat Asasi UiTM juga tidak terkecuali untuk menduduki ujian tersebut.

Sehubungan dengan itu, Bahagian Hal Ehwal Pelajar (BHEA) Pusat Asasi UiTM mengambil inisiatif untuk mewujudkan Pusat Ujian MUET On Demand (MOD) memandangkan hampir kesemua pelajar perlu mengambil ujian tersebut. Setelah pelbagai persiapan telah dilakukan, ujian tersebut berjalan dengan lancar berpandukan SOP yang ketat pada 23 dan 30 Januari 2021 setelah ditunda beberapa kali berikutan keadaan semasa jangkitan Covid-19. Seramai 500 pelajar telah menduduki ujian tersebut. Ini menjadikan Pusat Asasi UiTM sebagai pusat ujian yang menerima calon paling ramai menduduki ujian MOD.

Edisi JAN
JUN 2021

TERIMA KASIH REKTOR

Penulis : Rozi Hanum Shaharudin

Profesor Dato' Dr. Abu Bakar Abdul Majeed, mantan Rektor UiTM Cawangan Selangor bukanlah nama asing bagi warga UiTM. Beliau merupakan antara tokoh besar yang banyak menyumbang dan berjasa kepada UiTM. Seorang yang sangat profesional dan berpengetahuan luas dalam bidang kepakaran beliau, beliau dikenali sebagai seorang ilmuan yang fokus, berfikiran terbuka dan sangat merendah diri.

Sepanjang pelantikan beliau sebagai Rektor UiTM Cawangan Selangor sejak September 2016, beliau merupakan penggerak utama yang memacu 12 fakulti dan tiga Pusat Kecemerlangan untuk berkolaborasi bagi mencapai agenda UiTM untuk melahirkan graduan keusahawanan, profesional dan mencapai skor 6 bintang MyRA.

Pusat Asasi UiTM amat berterima kasih di atas segala sokongan dan sumbangan yang telah diberikan selama tempoh pelantikan beliau sebagai Rektor. Terima kasih tidak terhingga diucapkan.



Edisi JAN
JUN 2021



FESTIVAL UiTM PERFORM 2021

Penulis : Nik Mohd Afiq Nik Luqman

Anjuran : Jawatankuasa Misi Akademik

Misi Akademik Pusat Asasi UiTM telah menjayakan Festival UiTM Perform secara atas talian buat julung kalinya pada 12 - 14 Mac 2021. Dalam memastikan program yang diadakan selari dengan norma baharu yang disarankan kerajaan, program ini telah diadakan secara maya di Youtube & Facebook Pusat Asasi UiTM dan mendapat sambutan yang memberangsangkan di kalangan pelajar dan warga Pusat Asasi UiTM serta orang awam.

Dirasmikan oleh Yang Berbahagia Profesor Ts. Dr. Hajah Roziah Mohd Janor, Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) yang menjalankan tugas Naib Canselor, tujuan utama program ini adalah untuk menyediakan platform bagi para pelajar Pusat Asasi UiTM khususnya untuk mendapatkan maklumat yang tepat dan cepat berkenaan program-program yang ditawarkan oleh fakulti-fakulti di UiTM, membantu para pelajar merancang perjalanan kerjaya dan juga meningkatkan ketampakan Pusat Asasi dan UiTM.

Pelbagai aktiviti dan program telah diadakan sepanjang tiga hari festival ini berlangsung, termasuk sesi perkongsian bersama alumni Pusat Asasi UiTM, taklimat oleh UPU dan Bahagian Pengambilan Pelajar UiTM dan juga taklimat interaktif dan eksklusif daripada lebih 20 fakulti-fakulti di UiTM. Festival ini telah berjalan dengan lancar dengan tontonan bagi setiap taklimat berjaya meraih di antara 2500 sehingga 9500 tontonan.



SOFT LAUNCH ASASI OPEN DAY

Penulis : Nor Hisyam Husin

Anjuran : Jawatankuasa Misi Akademik

Soft Launch Pusat Asasi UiTM Virtual Open Day 2021 telah berjaya diadakan pada 27 Mac 2021 yang dirasmikan oleh Pengarah Pusat Asasi UiTM, Profesor Dr. Saifollah Haji Abdullah melalui saluran Youtube dan Facebook Pusat Asasi UiTM.

Program ini diadakan bagi memberikan maklumat yang tepat kepada pelajar lepasan SPM 2020 dan orang awam berhubung peluang pengajian di peringkat asasi di Pusat Asasi UiTM. Menurut Pengarah Pusat Asasi UiTM, Profesor Dr. Saifollah Haji Abdullah, "Virtual Open Day" merupakan satu inisiatif agar dapat memberi penerangan secara eksklusif mengenai program-program pengajian yang tawarkan di Pusat Asasi UiTM - #wherethebrightfuturesbegin".

Pusat Asasi UiTM merupakan satu-satunya pusat asasi yang menawarkan program Plus Tahfiz bagi membuka peluang kepada pelajar lepasan tahfiz melanjutkan pengajian dalam bidang profesional melalui Asasi UiTM tanpa meninggalkan hafalan Al-Quran.

Taklimat program pengajian telah disampaikan oleh kesemua Ketua Pusat Pengajian dan Koordinator iaitu Asasi Sains, Asasi Kejuruteraan, Asasi TESL, Asasi Undang-Undang dan ACIS & Plus Tahfiz.



MESYUARAT AGUNG TAHUNAN 2021 KELAB KEBAJIKAN STAF PUSAT ASASI UiTM

Penulis : Nor Hisyam Husin

Anjuran : Kelab Kebajikan Staf Pusat Asasi UiTM

Mesyuarat Agung Tahunan (AGM) Kelab Kebajikan Staf Pusat Asasi UiTM telah diadakan pada 5 Mac 2021 secara atas talian melalui platform Webex. Mesyuarat tahunan ini diadakan bertujuan bagi pembentangan laporan aktiviti tahunan kelab sepanjang tahun 2019-2021 dan juga pembentangan laporan penyata kewangan kelab oleh Bendahari Kelab Kebajikan. Selain itu juga, pembubaran Jawatankuasa Kelab Kebajikan Staf Pusat Asasi UiTM Sesi 2019-2021 turut diadakan. Proses pengundian bagi pemilihan Jawatankuasa Kelab Kebajikan Staf Pusat Asasi UiTM yang baharu telah diadakan pada 22-26 Februari 2021 secara atas talian.



Tahniah diucapkan kepada Ahli Jawatankuasa Kelab Kebajikan Pusat Asasi UiTM sesi 2021-2023 yang telah dilantik.

Pengerusi : Ustaz Mohd Takiyuddin Ibrahim

Timb Pengerusi : En. Hairulnizam Ghazali

Setiausaha : Pn. Nur Aishah Abbas

Bendahari : Pn. Rohaida Abu Bakar

Ahli Jawatankuasa :

1. Ustaz Ahmad Jamil Jaafar

2. Pn. Aisyah Hani Mohd Habali

3. En. Mohd Fareez Mohd Zainudin

4. En. Mohd Azhari Zailani

5. En. Bakhtiar Effandy Hudari

6. Pn. Bazrina Ramly

7. Pn. Faizatul Farah Hatta

8. En. Ahmad Wasilan Haron

9. Pn. Zulaiha Zainal

10. Pn. Yessy @ Jasiah Zulfikar



Edisi JAN
JUN 2021

KEMPEN KESEDARAN & PEMATUHAN UNDANG-UNDANG JALAN RAYA

Penulis : Marlizawati Mohamat

Anjuran : Unit Polis Bantuan dan Unit Korporat
dengan kerjasama PDRM & MIROS

Kempen Kesedaran dan Pematuhan Undang-undang Jalan Raya Pusat Asasi UiTM telah berlangsung pada 1 hingga 15 April 2021 bagi meningkatkan kesedaran warga kampus berkenaan undang-undang jalan raya di dalam dan di luar kampus.

Antara aktiviti yang dijalankan termasuklah hebahan poster kesedaran, forum dan Pertandingan Orienteering yang telah disertai oleh kesemua unit dan bahagian kampus. Pertandingan Orienteering ini juga merupakan kali pertama diadakan di kampus dan telah dimenangi oleh Unit TESL, Unit Sains Komputer dan Bahagian Pentadbiran.

Kempen yang dirasmikan oleh YBhg. Profesor Dr. Saifollah Haji Abdullah, Pengarah Pusat Asasi UiTM ini juga turut menerima kehadiran Supt. Dr. Bakry Bin Hj. Zainal Abidin (Ketua Penolong Pengarah Penguatkuasaan PDRM), Dr. Rizati Hamidun (Pegawai Penyelidik Kanan MIROS) dan En. Armyn Fahmy (Timbalan Pendaftar Kanan UiTM).



Edisi JAN
JUN 2021

INTERNATIONAL CONFERENCE ON RESEARCH & PRACTICES IN SCIENCE, TECHNOLOGY AND SOCIAL SCIENCES (I-CReST 2021)

Penulis : Wan Syariza Wan Yadri

Anjuran : Pusat Asasi UiTM



Penganjuran I-CReST 2021 pada 26 Jun 2021 yang bertemakan 'Embracing Research Culture and Fostering Academic Excellence' telah berjaya mengumpul sebanyak 160 penyertaan daripada dalam dan luar negara seperti dari negara Brunei, Indonesia, Morocco dan Mesir. I-CReST 2021 disertai oleh ahli akademik, pelajar pascasiswazah, ahli profesional dan industri bagi membentangkan hasil penyelidikan dan melebarkan perkongsian ilmu dalam bidang berkaitan Sains, Teknologi dan Sains Sosial.

Persidangan akademik tersebut telah dirasmikan oleh YBhg. Profesor Ts. Dr. Hajah Roziah Mohd Janor, Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) yang menjalankan fungsi Naib Canselor UiTM. Selain itu, turut menyampaikan ucaptama pada persidangan akademik tersebut adalah Profesor Datuk Dr. Halimaton Hamdan (Universiti Teknologi Malaysia), YBhg. Profesor Dr. Tetsuo Soga (Nagoya Institute of Technology Japan) dan YBhg. Profesor Datuk Dr. Shamrahayu A.Aziz (Penyandang Kursi Raja-Raja Melayu) serta 20 orang penceramah jemputan dari universiti- universiti dalam dan luar negara.

Persidangan akademik ini diharapkan dapat memberi pendedahan dan pengalaman kepada semua peserta dan dapat mewujudkan kolaborasi antara peserta dengan universiti luar serta industri.



Edisi JAN
JUN 2021

INNOVATION & CREATIVE DAY (AICD2021)

Penulis : Fadhlina Che Arshad

Anjuran : Jawatankuasa Pengurusan Inovasi, Pengkomersialan & Jaringan Industri

Pusat Asasi UiTM sekali lagi telah menganjurkan ASiD Innovation and Creative day (AICD2021) yang berlangsung pada bulan Mac dan April 2021. Bertemakan “Unleashing Creativity, Humanizing Innovation”, majlis penutup telah disiarkan secara langsung melalui saluran Youtube Pusat Asasi UiTM pada 10 April 2021. Program ini telah dihadiri oleh Profesor Dr. Saifollah Haji Abdullah, Pengarah Pusat Asasi UiTM. Pertandingan inovasi ini sekali lagi telah memberi peluang kepada para pelajar menyerlahkan lagi kreativiti dan idea mereka demi kebaikan dan kemajuan manusia sejagat.



Sebanyak 61 kumpulan telah bertanding dalam dua kategori iaitu Sains dan Teknologi serta Sains Sosial. AICD2021 menganugerahkan pelajar dengan Anugerah Inovasi; emas, perak dan gangsa serta Anugerah Khas iaitu Inovasi Terbaik, Video Terbaik dan Video dengan tanda suka terbanyak bagi kedua-dua kategori.



SS-05 HORMONE IN ACTION – THE BEST VIDEO AND THE BEST INNOVATOR

ST-41 LIFE POCKET – THE BEST VIDEO

ST-36 SMART DONATION BOX KIT – THE BEST INNOVATOR

ST-48 CALMIVA - AN INSTANT COLD PACK WITH SCENT

ST-02 GREEN MILLIEU: A COMPOST BIN STARTER KIT

ST-09 NOR-V BIOCARE SET

SS-02 KNOWLEDGERIA SERIES

ST-15 AQUAPHR V1 - MOST LIKED VIDEO

ST-13 CHIROAID-PRO

ST-16 ACTIVATED CARBON / POLYURETHANE FOAM (AC/PU)

SS-03 VECTOR'S TREASURE HUNT

ST-47 ORGANIC OIL ABSORBER

SS-06 ANTIBACTERIAL PRAYER GARMENT

ST-29 ANTI-ANT EXTENDABLE TRASH CAN

SS-11 ENGSY /'INZI/ : ENGLISH MADE EASY. A LANGUAGE LEARNING BOARD GAME. - MOST LIKED VIDEO

Edisi JAN
JUN 2021

MAJLIS ANUGERAH KECEMERLANGAN AKADEMIK (MAKA) 2021

Penulis : Nor Hisyam Husin



Anjuran : Bahagian Hal Ehwal Akademik

Majlis Anugerah Kecemerlangan Akademik (MAKA) 2021 telah diadakan secara langsung melalui saluran Facebook Pusat Asasi UiTM pada 8 April 2021 bagi menghargai pencapaian pelajar-pelajar Asasi yang telah mendapat keputusan yang cemerlang dalam Penilaian Akhir November 2020 dan Ujian Pertengahan Februari 2021. Majlis ini telah dirasmikan oleh Pengarah Pusat Asasi, Profesor Dr. Saifollah Haji Abdullah dan turut dihadiri oleh barisan pengurusan tertinggi Pusat Asasi UiTM, Ketua-Ketua Pusat Pengajaran, Koordinator Kursus dan juga ibu bapa. Majlis ini telah meraikan kecemerlangan akademik seperti berikut:

- i. CGPA 4.00 UiTM Penilaian Akhir November 2021
- ii. CGPA 4.00 UPU Penilaian Akhir November 2021
- iii. Top 10% Ranking mengikut program Ujian Pertengahan Semester Sesi Dis 2020-Mei 2021
- iv. Anugerah Khas BHEA



MAJLIS ANUGERAH KECEMERLANGAN AKADEMIK (MAKA) 2021



ANUGERAH PELAJAR TERBAIK MENGIKUT PROGRAM

Asasi Sains
Asasi Kejuruteraan
Asasi Undang-Undang KPTM
Asasi Undang-Undang UiTM (Semester 2)
Asasi TESL

Aisyah Nabilah Bte Iftikhar Ahmad
Wan Muhammad Isyraf Wan Hasmar Azim
Sara Raihana Bte Ikmal Hisham
Siti Khadijah Bte Jailani
Adelia Bte Khalid




PEMBENTANGAN PEMBANGUNAN KAMPUS (KPT)

Penulis : Wan Syariza Wan Yadri

Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (KPTM) telah melaksanakan satu Kajian Penilaian Outcome (KPO) Projek Pembangunan KPT Tahun 2020. Pusat Asasi UiTM Cawangan Selangor Kampung Dengkil adalah antara kampus Inisiatif Pembiayaan Swasta (PFI) yang dipilih untuk penilaian tersebut. Oleh itu, satu pasukan kajian yang terdiri daripada Pusat Asasi, Pejabat Pembangunan Infrastruktur & Infostruktur dan Bahagian Transformasi Universiti (BTU) telah ditubuhkan bagi melengkapkan maklumat kajian tersebut.

Proses penilaian telah berlangsung semenjak September 2020 dan pembentangan peringkat akhir telah selesai diadakan pada 23 Disember 2020 oleh Profesor Dr. Saifollah Haji Abdullah, Pengarah Pusat Asasi UiTM kepada Pengurusan Tertinggi KPTM.

Hasil penilaian tersebut, Pusat Asasi UiTM telah berjaya dan tersenarai sebagai salah satu daripada 2 projek yang telah memenuhi kriteria penilaian akhir untuk dibentangkan di Mesyuarat Penilaian Outcome (JKPO), Jabatan Perdana Menteri. Pihak Pusat Asasi UiTM kini sedang menunggu hasil keputusan penilaian tersebut.



Edisi JAN
JUN 2021

e-FESKO ASASI UiTM 2021

Penulis : Norlida Che Rose


Anjuran : Pejabat Pengurusan Kolej dengan Kerjasama Jawatankuasa Perwakilan Kolej

Program e-FESKO ini adalah di bawah pengendalian Majlis Tertinggi Jawatankuasa Perwakilan Kolej Dahlia dan Tualang Sesi 2020/2021 dan telah dianjurkan pada 15 hingga 21 Mac 2021 secara maya. Objektif utama penganjuran e-FESKO adalah untuk meningkatkan kemahiran insaniah dan kecerdasan emosi di kalangan pelajar.

Majlis perasmian telah diadakan pada 19 Mac 2021 dan pihak penganjur amat berbesar hati atas kesudian YBhg. Profesor Madya Dr. Badrul Isa, Timbalan Rektor Hal Ehwal Pelajar, UiTM Cawangan Selangor merasmikan e-FESKO ASASI UiTM 2021.

Sebanyak 11 aktiviti yang telah berjaya dianjurkan seperti program e-FESKO Photo Contest dan Virtual Charades. Selain itu program TALK, TALK, TALK, Speakers' Corner, Showdown Valorant, Forum Kerjaya, Sharing Session, Pertandingan Video Kreatif, Nukilan Sajak, dan Kuiz Minda juga telah berjaya dianjurkan.

Tahniah dan syabas diucapkan kepada semua pemenang dan sekalung penghargaan kepada JPK dan Sekretariat serta Penasihat Program dalam menjayakan e-FESKO ASASI UiTM 2021.



Edisi JAN
JUN 2021

GRAND OPEN DAY PUSAT ASASI UiTM

Penulis : Nur Syakireen Ishak



Anjuran : Jawatankuasa Misi Akademik

Jawatankuasa Misi Akademik Pusat Asasi UiTM telah menganjurkan program Grand Open Day Pusat Asasi UiTM 2021 pada 11 dan 12 Jun 2021 yang telah berlangsung secara maya menggunakan medium Google Meet, YouTube dan Facebook Rasmi Pusat Asasi UiTM. Program ini bertujuan untuk memberikan maklumat serta mempromosikan program-program pengajian yang ditawarkan di Pusat Asasi UiTM khususnya kepada para pelajar lepasan SPM.



Majlis Perasmian Program Grand Open Day 2021 telah dirasmikan oleh YBhg. Profesor Dr. Ahmad Sazali Hamzah, Rektor UiTM Cawangan Selangor. Sesi taklimat ringkas program pengajian Asasi UiTM telah disampaikan oleh Cik Nur Hikmah Binti Seth selaku Pengerusi Misi Akademik Pusat Asasi UiTM Dengkil.

Secara keseluruhannya, program Grand Open Day Pusat Asasi UiTM 2021 telah mendapat jumlah tontonan sekitar 4700 penonton di YouTube Pusat Asasi UiTM dan sekurang-kurangnya 250 peserta telah mendapatkan khidmat nasihat berkenaan program yang ditawarkan di Pusat Asasi UiTM melalui Sesi Konsultasi. Maklumbalas yang diterima daripada peserta adalah sangat baik dan positif dimana 96% menyatakan bahawa sesi konsultasi yang diberikan menambah keyakinan untuk menjadikan Pusat Asasi UiTM sebagai pilihan pertama UPU.



Edisi JAN
JUN 2021

EKSPO MAYA SELANGKAH KE UiTM 2021


Penulis : Nur Syakireen Ishak

Ekspo Maya Selangkah ke UiTM 2021 anjuran Jabatan Komunikasi Korporat dengan kerjasama Bahagian Pengambilan Pelajar (BPP) UiTM telah berlangsung pada 13 dan 14 Jun 2021 dan dirasmikan oleh Profesor Ts. Dr. Hajah Roziah Mohd Janor (Timbalan Naib Canselor Akademik & Antarabangsa) di laman Youtube rasmi UiTM.

Di peringkat Pusat Asasi UiTM, para pengunjung dapat mengetahui maklumat berkenaan dengan program-program pengajian yang ditawarkan menerusi laman Youtube rasmi UiTM. Hampir 1600 jumlah tontonan diraih sepanjang dua hari ekspo berlangsung.

Calon pelajar berpeluang mendapatkan maklumat lanjut berkaitan dengan kampus, proses pembelajaran, hal-hal kolej dan sebagainya melalui sesi konsultasi secara maya bersama-sama dengan konsultan akademik yang terdiri daripada 130 orang kakitangan akademik dan pengurusan Pusat Asasi UiTM.

Berteraskan objektif untuk meningkatkan kadar enrolmen calon pelajar lepasan SPM ke Pusat Asasi UiTM di samping mempromosikan program-program pengajian yang ada, seramai lebih kurang 200 orang calon pelajar telah menyertai sesi konsultasi tersebut. Diharapkan agar usaha murni ini dapat membuka mata dan menarik minat para pelajar seterusnya meletakkan Pusat Asasi UiTM sebagai pilihan utama UPU.



Edisi JAN
JUN 2021

ASIDMUN CONFERENCE


Penulis : Nurul Hannan Mahmud

Anjuran : English Debate and Mun Club

Persidangan pertama Model United Nation Conference (ASiDMUNC), anjuran English Debate and Mun Club telah berlangsung pada 12 hingga 14 Februari 2021 dengan 78 peserta dan dilaksanakan secara virtual dengan platform Discord. Persidangan ini dimulakan alu-aluan oleh Pengurus Majlis, Adelia Khalid seterusnya ucapan pembukaan daripada Penasihat Kelab, Puan Jusniza Abdul Jamal.

Persiapan yang teliti daripada pihak pengajur dapat dilihat sepanjang tempoh program berlangsung. Struktur dan format Persidangan Bangsa-Bangsa Bersatu telah diperkenalkan dan diterangkan dengan mendalam pada hari pertama program dijalankan. Pada masa yang sama, para pendebat mengambil peluang ini untuk menambah pengetahuan dan berkongsi pendapat tentang usul yang dibentang.

Upacara penutup ASiDMUNC berlangsung pada pukul 3.00 petang secara atas talian di platform Google Meet. Beberapa peserta menerima anugerah Best Delegate, Outstanding Delegates, Most Improved Delegate, Honourable Mention, Best Outstanding Delegate, Verbal Award, dan Runner Up sebagai pengiktirafan menyertai persidangan pertama ASiDMUNC. Pendebat daripada UiTM Dengkil English Debate and MUN Club, Syasya Fatini dikalungkan anugerah Best Delegate untuk 'ECOSOC Council'.



UITM DENGKIL BRINGS YOU
MODEL UNITED NATIONS

THEME: WORLDWIDE REFORM
12 FEBRUARY -14 FEBRUARY 2021
ADMISSION FEE: FREE OF CHARGE

@ ASiDMUNOFFICIAL
ASiDMUNOFFICIAL.WIXSITES

STAY IN, SPEAK OUT



Asasi Dengkil
Model UN 2021:
WORLD REFORM

12-14 FEBRUARY 2021
ONLINE (DISCORD)

FOR MORE DETAILS, VISIT:
asidmunofficial.wixsite.com/asidmunc2021



PERKARA 153 PERLEMBAGAAN MALAYSIA : PERANAN & TANGGUNGJAWAB MAHASISWA UiTM

Penulis : Marlizawati Mohamat

Anjuran : Bahagian Hal Ehwal Pelajar



Bual Bicara Perkara 153 Perlembagaan Malaysia : Peranan & Tanggungjawab Mahasiswa UiTM ini telah diadakan secara langung melalui saluran Youtube Pusat Asasi UiTM dengan jayanya pada 23 Februari 2021 (Selasa) dengan jemputan khas YBhg. Profesor Datuk Dr. Shamrahayu Abd Aziz, Penyandang Kursi Institusi Raja-Raja Melayu.

Program ini bertujuan memberi kesedaran kepada pelajar mengenai kepentingan Perkara 153 Perlembagaan Malaysia kepada kaum Bumiputera. Perkara 153 ini amatlah penting kepada generasi muda yang bakal mendokong negara pada masa akan datang agar memahami dan menghayati setiap kandungan yang termeterai dalam Perkara 153 Pelembagaan Malaysia.

Program ini telah mendapat sambutan yang baik dari kalangan pelajar. Dimana program ini telah memberi pendedahan mengenai corak kepimpinan dan kepentingan Raja-Raja Melayu dalam mewujudkan kesentosaan dan kesejahteraan negara dikalangan rakyat pelbagai bangsa.



Bual Bicara
Perkara 153 Perlembagaan Malaysia
"Peranan & Tanggungjawab Mahasiswa UiTM"

23 Februari 2021 (Selasa) Jam : 10.00 Pagi
YouTube Pusat Asasi UiTM

Jemputan Khas :
YBhg. Profesor Datuk Dr. Shamrahayu Ab. Aziz
Penyandang Kursi Institusi Raja-Raja Melayu

Anjuran : Bahagian Hal Ehwal Pelajar, Pusat Asasi
Dengan kerjasama Unit Undang-Undang



SEMBANG TOKOH BERSAMA PROFESOR EMERITUS TAN SRI DATO' SERI DR. IBRAHIM SHAH

Penulis : Nik Mohd Afiq Nik Luqman

Anjuran : Bahagian Hal Ehwal Pelajar

Pusat Asasi UiTM amat berbesar hati atas kesudian YBhg. Prof. Emeritus Tan Sri Dato Seri' Dr. Ibrahim Shah Abu Shah untuk berkongsi pengalaman sepanjang memegang jawatan Naib Canselor, UiTM. Program ini telah diadakan secara langung melalui saluran Youtube Pusat Asasi UiTM dengan jayanya pada 5 Mac 2021.

Melalui program ini pelajar telah didedahkan dengan pengorbanan para pemimpin terdahulu menujukan UiTM bagi memastikan pendidikan bumiputera terus berkembang. Beliau juga memberi penekanan kepada pelajar bumiputera untuk terus berfikiran di luar kotak supaya negara terus maju bersaing diperingkat global.

Akhir kata yang dipetik dari siaran langsung ini, Kaum bumiputera harus sentiasa memperjuangkan hak mereka dan bersyukur dengan kerharmonian yang dinikmati sekarang.



PERTANDINGAN VIDEO VIRAL 3.0 2021

Penulis : Nur Syakireen Ishak

Anjuran : Jawatankuasa Misi Akademik

Objektif utama pertandingan ini adalah memberi peluang kepada para pelajar Pusat Asasi UiTM berkongsi bakat menghasilkan video pendek yang kreatif dan menarik untuk mempromosikan program pengajian yang ditawarkan di Pusat Asasi UiTM. Walaupun terdapat pelbagai kekangan, para pelajar telah berjaya menghasilkan video-video bertemakan "ASiD Aces ODL" yang sangat kreatif dalam mempamerkan sisi-sisi positif dan menarik pembelajaran terbuka dan secara jarak jauh (Open and Distance Learning, ODL).

Pada tahun ini, sebanyak 21 buah video penyertaan telah diterima, yang mana setelah melalui sesi penilaian dan saringan, 17 buah video telah layak untuk dimuatnaik di saluran Youtube Pusat Asasi UiTM. Pemenang pertandingan ini ditentukan oleh bilangan jumlah tontonan yang tertinggi. Secara kumulatif, jumlah tontonan daripada 17 buah video tersebut adalah sebanyak 19,223 tontonan di saluran Youtube Pusat Asasi UiTM.

Majlis Pengumuman Pemenang Pertandingan Video Viral 3.0 telah diadakan pada 22 April 2021 secara atas talian menggunakan platform Google Meet. Pengarah Pusat Asasi, Profesor Dr. Saifollah Bin Haji Abdullah telah merasmikan majlis dan mengumumkan pemenang-pemenang pertandingan.

PEMENANG	KUMPULAN	TAJUK VIDEO	JUMLAH TONTONAN
GOLD	Dengkil Sky High	What's Best in UiTM Dengkil?! UiTM Di Hatiku	8,526
SILVER	Savage Amigo	#letsjoinasasi #UiTMPerform	1,944
BRONZE	Ellyna	#letsjoinasasiuitm	1,305



ASID E-SPORT TOURNAMENT

Penulis : Nor Hisyam Husin

Anjuran : Unit Sukan

Pertandingan ASID E-Sport Tournament 2021 merupakan inisiatif Bahagian Unit Sukan Hal Ehwal Pelajar (HEP) UiTM dalam memupuk semangat kesukanan di kalangan para pelajar. Pertandingan ini telah diadakan pada 26 sehingga 28 Februari 2021. Antara kategori yang dipertandingkan adalah Mobile Legend dengan 228 penyertaan dan PUBG dengan 78 penyertaan. Pemenang bagi kedua-dua kategori akan diberi peluang untuk mewakili universiti bagi kejohanan Sukan Asasi Malaysia.



#	TEAM	RANKING	POINT	KILL	TOTAL
1	SPACE ESPORT	1	15 15 15 15 10	3 9 10 15 4	111
2	MiloAisPanas	13	1 1 1 2 1	0 0 0 1 0	7
3	Team Monyet Baik	10	1 10 6 1 2	0 2 1 0 3	26
4	CIRCLE DI HATIKU	7	1 1 10 1 1	2 0 9 2 2	29
5	Gerun Gank (GXG)	3	2 6 8 12 6	6 8 5 9 10	72
6	CENDOL HANGITT	9	6 0 0 8 8	3 1 1 0 1	28
7	SIPUT SEDUT	8	0 8 1 4 1	3 5 2 4 0	28
8	TAUHU GORENG PISANG	2	10 2 12 6 15	5 7 5 1 12	75
9	Squad Maulud	6	1 1 4 0 12	6 1 6 1 1	33
10	Rezeki Anak Soleh	12	1 1 1 1 1	3 0 0 5 2	15
11	Rosdi Kangkung	11	8 1 1 1 0	3 0 2 0 0	16
12	MADFS	5	4 4 1 10 4	2 3 0 1 8	35
13	PASKAL GAMING	4	12 12 2 1 1	4 5 4 0 2	43

SUKAN ASASI MALAYSIA (SAM) 2021

Penulis : Mohd Syarizan Che Omar

Sukan Asasi Malaysia 2021 dianjurkan oleh Pusat Asasi Sains Universiti Malaya (PASUM) dengan MOTO kejohanan "Persahabatan Melalui E-sukan". Program ini telah diadakan secara atas talian dan disertai oleh seluruh Asasi Universiti Awam dan Matrikulasi pada 20 sehingga 28 Mac 2021. Pusat Asasi UiTM telah berjaya menjadi 10 pasukan terbaik dan bagi kategori PUBG mendapat tempat ke-4 secara keseluruhan.



KARNIVAL SAINS & TEKNOLOGI ISLAM 2021

Penulis : Nur Syakireen Ishak

Anjuran : Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS)

Karnival Sains dan Teknologi Islam 2021 (KSTI 2021) merupakan program yang dianjurkan oleh Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS) Pusat Asasi UiTM. Tahun ini merupakan tahun ketiga KSTI diadakan dan melibatkan penyertaan daripada para pelajar Asasi Sains dan Kejuruteraan. Objektif penganjuran KSTI 2021 adalah untuk meningkatkan kemahiran berfikiran secara kritis dan kreatif para pelajar dalam mengkaji ilmu Sains dan Teknologi menurut perspektif Islam, meningkatkan semangat berdaya saing dalam menghasilkan inovasi bagi mempraktikkan ilmu yang telah dipelajari dan mendedahkan warga Pusat Asasi UiTM dengan hasil produk inovasi pelajar.

Para peserta telah menghantar sama ada video atau poster pertandingan untuk dinilai oleh para panel juri yang terdiri daripada 25 orang pensyarah Pusat Asasi UiTM. Sebanyak 73 kumpulan pelajar telah menyertai pertandingan ini. Majlis Perasmian Penutup Karnival KSTI 2021 telah diadakan pada 6 Mac 2021, menggunakan platform Google Meet dan disiarkan secara langsung di Saluran Youtube Pusat Asasi UiTM. Majlis telah dirasmikan oleh Profesor Dr. Saifollah Haji Abdullah, Pengarah Pusat Asasi UiTM. Ustaz Mohd Takiyudin Ibrahim selaku Pengarah KSTI 2021 telah mengumumkan pemenang-pemenang pertandingan pada majlis tersebut.

Anugerah Inovasi Terbaik		
PINGAT	PRODUK	NAMA PELAJAR
EMAS	Jolly Rolly	Mukhriz Shah Rezza Bin Mohd Sha'ari
PERAK	Fun Iqra'	'Iffah Nafisa Bt. Azizan Aisyah Binti Ramli Adam Zaquan Munir Bin Mohd Iwan Shameer Ikhwan Bin Md Shahrudin
GANGSA	Botol Biodegradasi	Nur Syuhadah Binti Barudin Nur Adriana Natasha Binti Mohd 'Adlan Nur Irdina Puteri Binti Fawzi Nur Liyana Hanani Binti Razak Muhamad Danial Bin Ali

Anugerah Video Terbaik		
PINGAT	PRODUK	NAMA PELAJAR
EMAS	Rainy Pot	Nur Azureen Binti Hamdan Nuraini Binti Abd Razak Nurlyiana Izzati Binti Rafini Muhammad Irfanuddin Bin Rosli Faiz Syakirin Bin Shahrim
PERAK	Quran Guider	Ahmad Ikmal Bin Mohd Asri Husna Binti Ahmad Fuad Puteri Nurulaini Binti Muhammad Suhaimi Muhammad Izzat Fahmi Bin Abdullah
GANGSA	Al-Ijtimaei Smart Card	Muhammad Azim Bin Shariff Muhammad Ismail Bin Mohd Hudzori

Anugerah Poster Terbaik		
PINGAT	PRODUK	NAMA PELAJAR
EMAS	Smart Bottle	Muhammad Faizun Na'im Bin Md Fauzan Muhammad Shahimin Amir Bin Johari Nik Arina Binti Nik Mustafa Syamimi Izzati Binti Saiful Bakri
PERAK	Tayammum Professional Machine	Muhd Alif Aiman Bin Alwi Muhammad Bin Rosnaharudin Shah Nur Alira Bt Zuklefi Nur Nadhirah Binti Mohamad Affendy
GANGSA	Sejadah Ar-Raudhah	Muhammad Arif Daniels Bin Hafizol Ummu Fathihah Hairmaura Binti Sulaiman Nur Khairunnisa Binti Ahmad Shuhaimi Nurafna Kamilia Binti Mohammad Rozaiman Syaqir Bin Syamsul



'INFINITE HEALTH, MIND & LIFESTYLE'

Penulis : Dr. Masyitah Mohamad Locman

Anjuran : Unit Kesihatan

Unit Kesihatan Pusat Asasi UiTM telah menganjurkan Program 'Infinite Health, Mind & Lifestyle' yang merupakan webinar bersiri berkaitan isu kesihatan secara atas talian di Facebook Live Pusat Asasi UiTM. Program ini telah berjaya dilaksanakan sebanyak 5 siri webinar bermula pada 25 Mac sehingga 25 Mei 2021 dan mendapat sambutan yang amat menggalakkan daripada para pelajar dan staf Pusat Asasi UiTM serta kampus cawangan UiTM lain sehingga mencapai 1500 ke 1800 penonton.



Program 'Infinite Health, Mind & Lifestyle'

SIRI 1 : APPROPRIATE SAFETY PRACTICES & FIRST AID MANAGEMENT FOR LAND AND MARINE ANIMAL BITES & STINGS

 Organizer : Unit Kesihatan Pusat Asasi UiTM



Date: 25 March 2021

Time: 3.00 pm – 4.00 pm



Prof. Madya Dr. Ahmad Khalidun Ismail

Consultant Emergency Physician, HUKM
President of the Malaysian Society on Toxicology





Edisi JAN
JUN 2021

e-SULAM INNOVATION PROJECT

Penulis : Fadhlina Che Arshad



Pada Mac 2021, Pusat Asasi UiTM telah berjaya menghantar sebanyak 235 penyertaan bagi pertandingan e-Sulam Innovate anjuran Kementerian Pengajian Tinggi. Para pelajar daripada program Sains dan Kejuruteraan telah menghasilkan video yang berkaitan dengan aktiviti khidmat masyarakat yang mereka jalankan kepada pelajar atau rakan sebaya atau komuniti setempat. Satu projek yang diketuai oleh Muhammad Safazul di bawah seliaan Cik Bazrina Ramly bertajuk "Counselling Awareness" telah berjaya terpilih menjadi salah satu daripada 10 finalis projek ke peringkat kebangsaan. Projek ini merupakan sebahagian dari tugas untuk subjek ELC 081 (English for Foundation Studies II) yang memerlukan pelajar menjalankan program khidmat masyarakat yang memberi manfaat kepada komuniti.



Edisi JAN JUN 2021


PHONETICS OLYMPIAD 2021

Penulis : Nik Mohd Afiq Nik Luqman

Anjuran : Unit Asasi TESL

Selepas kejayaan yang pertama pada tahun 2020, unit Asasi TESL sekali lagi telah menjayakan Kejohanan Phonetics Olympiad tahun ini dan buat kali pertamanya ia diadakan secara atas talian pada 20 Mac 2021.

Walaupun negara masih berada di dalam situasi pandemik dan dalam kawalan perintah pergerakan, ia tidak menghalang untuk unit Asasi TESL untuk sekali lagi menjayakan kejohanan ini berskala lebih besar, dengan melibatkan 190 peserta yang terdiri dari pelajar Asasi TESL 20/21 dan juga alumni daripada pelajar tahun lalu.



Menggunakan pelbagai platform atas talian seperti Google Form, Google Meet dan Youtube, sebanyak 19 pasukan turut serta dalam pertandingan ini, dengan lima pasukan dipilih untuk pusingan kedua sebelum pasukan tiga teratas dipilih sebagai juara, naib juara dan tempat ketiga untuk kejohanan kali ini.

Tujuan utama bagi kejohanan ini adalah untuk membantu para pelajar menguasai asas dalam transkripsi dan sebutan fonetik dalam Bahasa Inggeris berdasarkan "British English Received Pronunciation." Pembelajaran transkripsi fonetik adalah salah satu perkara asas yang wajib dipelajari oleh pelajar Asasi TESL. Berikut merupakan senarai pemenang bagi Kejohanan Phonetics Olympiad 2021:-

Tempat Pertama: T14

Tempat Kedua: T15

Tempat Ketiga: T18

Transciber Terbaik (Lelaki): Muhammad Hafizin bin Azamam (T14)

Transciber Terbaik (Perempuan): Dang Raihanah Nurimani Binti Abg Ismawie (T15)



Edisi JAN
JUN 2021

